JUZU' KE-29

SURAH AL-MUDDATHTHIR

SURAH KE

74

SURAH AL-MUDDATHTHIR

Surah (Rasul) Yang Berselimut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

56

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia(2). Dan terhadap Tuhanmu hendaklah engkau mengagung-agungkan-Nya(3). Dan terhadap pakaianmu hendaklah engkau bersihkannya(4). Dan terhadap kejahatan hendaklah engkau jauhkannya."(5).

وَلَا تَمْنُن تَسْتَكْثِرُ ﴿٦﴾ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ ﴿٧﴾

فَإِذَا نُقِرَ فِي النَّاقُورِ ﴿٨﴾

فَذَٰلِكَ يَوْمَئِذٍ يَوْمٌ عَسِيرٌ ﴿٩﴾

عَلَى الْكَافِرِينَ غَيْرُ يَسِيرٍ ﴿١٠﴾

"Dan janganlah engkau memberi dan merasakan pemberian itu banyak(6). Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu(7). Apabila ditiupkan nafiri(8). Maka hari itulah hari yang amat sukar(9). Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir."(10).

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

وَجَعَلْتُ لَهُ مَالًا مَّمْدُودًا ﴿١٢﴾

وَبَنِينَ شُهُودًا ﴿١٣﴾ وَمَهَّدتُّ لَهُ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾

ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja(11). Dan Aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas(12). Dan anak-anak yang selalu menemaninya(13). Dan Aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya Aku tambahkan lagi."(15).

كَلَّا إِنَّهُ كَانَ لِآيَاتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

سَأُرْهِقُهُ صَعُودًا ﴿١٧﴾ إِنَّهُ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar(17). Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang."(20).

ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ أَدْبَرَ وَاسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾

إِنْ هَٰذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25).

سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾

لَا تُبْقِي وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar(26). Tahukah engkau apakah Neraka Saqar itu?(27). (Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa(28). Ia membakar kulit-kulit manusia(29). Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30).

وَمَا جَعَلْنَا أَصْحَابَ النَّارِ إِلَّا مَلَائِكَةً وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ

إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا لِيَسْتَيْقِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ

وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِيمَـٰنًا وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَـٰفِرُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَـٰذَا مَثَلًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ۚ وَمَا هِىَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

كَلَّا وَٱلْقَمَرِ ﴿٣٢﴾ وَٱلَّيْلِ إِذْ أَدْبَرَ ﴿٣٣﴾

وَٱلصُّبْحِ إِذَآ أَسْفَرَ ﴿٣٤﴾ إِنَّهَا لَإِحْدَى ٱلْكُبَرِ ﴿٣٥﴾

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat. Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang dan supaya orang Mu'min tidak ragu-ragu, juga supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan ia (Neraka Saqar) tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia(31). Tidak sekali-kali begitu. Demi bulan(32). Dan demi malam apabila ia berlalu(33). Dan demi pagi apabila ia menyerlah terang(34). Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu dari kejadian-kejadian yang amat besar."(35).

نَذِيرًا لِّلْبَشَرِ ﴿٣٦﴾

لِمَن شَآءَ مِنكُمْ أَن يَتَقَدَّمَ أَوْ يَتَأَخَّرَ ﴿٣٧﴾

كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾

إِلَّآ أَصْحَـٰبَ ٱلْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِى جَنَّـٰتٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٤٠﴾

"Sebagai amaran kepada manusia(36). Kepada siapa di antara kamu yang ingin maju atau mundur(37). Setiap individu bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya(38). Melainkan golongan kanan(39). Mereka berada di dalam Syurga saling bertanya."(40).

عَنِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمْ فِى سَقَرَ ﴿٤٢﴾

قَالُوا۟ لَمْ نَكُ مِنَ ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ ٱلْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾

وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ ٱلْخَآئِضِينَ ﴿٤٥﴾

"Tentang orang-orang yang berdosa(41). Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?(42). Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat(43). Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin (44). Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya."(45).

وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤٦﴾

حَتَّىٰٓ أَتَىٰنَا ٱلْيَقِينُ ﴿٤٧﴾

فَمَا تَنفَعُهُمْ شَفَـٰعَةُ ٱلشَّـٰفِعِينَ ﴿٤٨﴾

فَمَا لَهُمْ عَنِ ٱلتَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾

كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ ﴿٥٠﴾

"Dan kami mendustakan Hari Balasan(46). Hingga kami didatangi maut(47). Oleh itu, tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafa'at dari mana-mana pemberi syafa'at(48). Mengapakah mereka berpaling dari peringatan (Al-Qur'an)?(49). Mereka seolah-olah keldai-keldai yang liar."(50).

فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍۭ ﴿٥١﴾

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

كَلَّا ۖ بَل لَّا يَخَافُونَ ٱلْـَٔاخِرَةَ ﴿٥٣﴾

كَلَّآ إِنَّهُۥ تَذْكِرَةٌ ﴿٥٤﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿٥٥﴾

وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ أَهْلُ ٱلتَّقْوَىٰ وَأَهْلُ ٱلْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Yang lari dari singa(51). Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya, dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar(52). Tidak sekali-kali begitu, bahkan mereka tidak takut kepada Hari Akhirat(53). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu peringatan(54). Oleh itu, sesiapa yang mahu dia boleh mengambil pengajaran darinya(55). Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Keterangan mengenai sebab nuzul dan waktu nuzul yang telah disebut pada Surah al-Muzzammil adalah selari dengan surah ini. Di sana terdapat riwayat-riwayat yang menyebut bahawa surah ini merupakan surah yang pertama yang diturunkan selepas Surah al-

'Alaq. Dan ada pula satu riwayat yang menyatakan bahawa surah ini diturunkan selepas Rasulullah s.a.w. berda'wah secara terus-terang dan menerima tentangan-tentangan kaum Musyrikin.

Ujar al-Bukhari: Kami diceritakan oleh Yahya, Waki' menceritakan kepada kami dari Ali ibn al-Mubarak, dari Yahya ibn Kathir katanya:

"Aku bertanya Abu Salamah ibn Abdul Rahman tentang apakah surah Al-Qur'an yang pertama diturunkan?"

Jawabnya, "يأيها آلمدثر".

Lalu aku berkata, "Ada orang-orang mengatakan "اقرأ با سم ربك الذى خلق".

Jawab Abu Salamah, "Aku juga telah bertanya Jabir ibn Abdullah mengenai hal ini, dan aku katakan kepadanya sama seperti apa yang engkau katakan kepadaku."

Lalu Jabir berkata, "Aku tidak menceritakan kepadamu melainkan apa yang telah diceritakan Rasulullah s.a.w. kepada kami."

Beliau berkata, "Aku beriktikaf di Gua Hira' dan setelah selesai beriktikaf aku pun turun ke bumi, dan tiba-tiba aku dipanggil. Lalu aku pun menoleh ke sebelah kananku, tetapi aku tidak melihat apa-apa. Kemudian aku menoleh ke sebelah kiriku, di sana juga aku tidak melihat apa-apa. Aku melihat ke hadapanku dan tidak juga melihat apa-apa. Aku melihat ke belakangku dan tidak juga aku melihat apa-apa. Kemudian aku angkatkan kepalaku melihat ke atas, di sana aku melihat sesuatu (yakni malaikat Jibril), lalu aku pun pulang mendapatkan Khadijah dan berkata kepadanya: Selimutkan abang, dan curahkan air dingin ke atas abang." Ujar beliau, "Lalu mereka pun menyelimutkan aku dan mencurahkan air dingin ke atasku." Ujar beliau, "Kemudian turunlah ayat:

(Ayat 1-4)

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim dari saluran 'Uqayl dari Ibn Syihab dari Abu Salamah katanya: Aku telah dikhabarkan oleh Jabir ibn Abdullah katanya dia mendengar Rasulullah s.a.w. bercerita tentang masa keputusan wahyu dan dalam cerita itu beliau bersabda, "Waktu aku berjalan tiba-tiba aku mendengar suara dari langit. Lalu aku pun mengangkat mataku ke langit, tiba-tiba aku lihat malaikat yang datang menemuiku di Gua Hira' sedang duduk di atas kerusi di antara langit dan bumi. Lalu aku pun melutut, dan sebaik sahaja aku turun ke bumi aku pun pulang kepada keluargaku sambil berkata: Selimutkan aku. Lalu mereka selimutkan aku kemudian Allah menurunkan ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾
وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَٱلرُّجْزَ فَٱهْجُرْ ﴿٥﴾

(Ayat 1-5)

Ujar Abu Salamah," الرُّجز (ar-rujza) itu ialah berhala-berhala, dan selepas itu wahyu pun menjadi hangat kembali dan turun berturut-turut."

Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhari dari jalan yang sama dan inilah lafaz al-Bukhari.

Ibn Kathir telah membuat penjelasan mengenai hadith ini di dalam tafsirnya dengan katanya: Inilah cerita yang diingati, dan ini menunjukkan bahawa sebelum ini wahyu telah pun turun kepada Rasulullah s.a.w., kerana beliau bersabda, "Tiba-tiba aku lihat malaikat yang datang di Gua Hira" itulah Jibril yang datang menemuiku dan menyampaikan ayat:

ٱقْرَأْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلَّذِى خَلَقَ ﴿١﴾
خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾
ٱقْرَأْ وَرَبُّكَ ٱلْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ ٱلَّذِى عَلَّمَ بِٱلْقَلَمِ ﴿٤﴾

"(Wahai Muhammad)! Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)(1). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah(2). Bacalah dan Tuhanmu Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena."(4)

(Surah al-'Alaq: 1-4)

Setelah turun ayat ini berlakulah keputusan wahyu dan selepas itu barulah turun malaikat membawa wahyu. Cara mengumpul atau menyelaraskan hadith-hadith ini ialah surah pertama yang diturun selepas masa keputusan wahyu itu ialah Surah al-Muddaththir ini.

Di sana ada pula satu riwayat yang lain. Ujar at-Tabrani: Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ali ibn Shu'ayb as-Simsar, kami telah diceritakan oleh al-Hasan ibn Bisyr al-Bajli, kami telah diceritakan oleh al-Mu'afi ibn 'Imran, dari Ibrahim ibn Yazid katanya: Aku dengar Ibn Abu Mulaykah berkata: Aku dengar Ibn 'Abbas berkata: Bahawa al-Walid ibn al-Mughirah telah mengadakan jamuan makan kepada orang-orang Quraisy. Setelah selesai mereka makan dia bertanya mereka: "Apa kata tuan-tuan terhadap lelaki ini (Nabi Muhammad s.a.w.)?" Jawab setengah mereka, "Dia ahli sihir." Setengah pula membantah, "Dia bukan ahli sihir." Kata yang lain, "Dia kahin (pawang yang mendakwa tahu perkara-perkara yang ghaib)." Dan setengah pula membantah, "Dia bukan kahin." Kata yang lain pula, "Dia seorang penyair." Tetapi yang lain membantah, "Dia bukan penyair." Kata setengah pula, "Al-Qur'an itu suatu sihir yang

dinukilkan dari tukang-tukang sihir." Lalu mereka pun membuat keputusan sepakat bahawa Al-Qur'an itu suatu sihir yang dinukilkan dari ahli-ahli sihir. Kemudian berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. dan beliau pun berdukacita, lalu beliau membalut kepalanya dan berselimut, dan Allah pun menurunkan ayat-ayat berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُدَّثِّرُ ۝١ قُمۡ فَأَنذِرۡ ۝٢ وَرَبَّكَ فَكَبِّرۡ ۝٣
وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ۝٤ وَٱلرُّجۡزَ فَٱهۡجُرۡ ۝٥
وَلَا تَمۡنُن تَسۡتَكۡثِرُ ۝٦ وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ۝٧

(Ayat 1-7)

Manakah Yang Lebih Awal Turunnya Al-Muzzammil Atau Al-Muddaththir?

Riwayat ini juga hampir-hampir sama dengan riwayat mengenai Surah al-Muzzammil, menyebabkan kami tidak dapat mempastikan manakah satu dari kedua-duanya yang turun lebih awal dan manakah satu yang turun dengan sebab kejadian ini atau dengan sebab kejadian itu.

Tetapi melihat kepada nas Al-Qur'an itu sendiri membayangkan bahawa permulaan surah ini hingga kepada firman Allah Ta'ala:

وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ۝٧

"Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu"(7)

mungkin diturunkan di peringkat awal masa da'wah sama seperti permulaan Surah al-Muzzammil hingga kepada firman Allah Ta'ala:

وَٱذۡكُرِ ٱسۡمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلۡ إِلَيۡهِ تَبۡتِيلٗا ۝٨
رَّبُّ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذۡهُ وَكِيلٗا ۝٩

"Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna(8). Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai pelindung."(9)

(Surah al-Muzzammil : 8-9)

Kedua-dua permulaan bagi surah-surah ini adalah bertujuan menyiapkan diri Rasulullah s.a.w. untuk memikul tugas da'wah yang amat besar dan untuk menghadapi kaum Quraisy selepas itu apabila da'wah kelak dilancarkan dengan terus-terang dan menyeluruh, kerana perkembangan ini akan menimbulkan berbagai-bagai kesulitan dan kesukaran yang memerlukan kepada penyediaan jiwa yang lebih awal. Kemudian ayat-ayat selanjutnya dalam Surah al-Muddaththir dan ayat-ayat selanjutnya dalam Surah al-Muzzammil, kedua-dua mungkin diturunkan tidak lama selepas itu apabila kaum Musyrikin mendustai Rasulullah s.a.w. dengan penuh kedegilan dan menentang beliau dengan berbagai-bagai tuduhan yang liar dan tipu daya yang jahat.

Tetapi kemungkinan ini tidak pula menafikan satu kemungkinan yang lain iaitu kedua-dua permulaan surah ini mungkin turun bersambung-sambung dengan ayat-ayat selanjutnya dalam surah ini dan surah itu kerana satu sebab yang sama iaitu kerana Rasulullah s.a.w. telah didustai dan ditentang dengan berbagai-bagai tipu daya yang jahat, yang dirancang oleh kaum Quraisy. Jadi, keperihalan dalam dua surah ini sama dengan keperihalan dalam Surah al-Qalam sebagaimana telah kami terangkan di sana.

* * * * * *

Walau bagaimanapun sebab dan latar belakang, namun permulaan surah ini mengandungi seruan Allah Yang Maha Tinggi melantik Nabi s.a.w. memikul tugas kerasulan yang amat besar, dan memerintah beliau supaya bangkit dari tidur dan membuang selimut untuk memulakan perjuangan yang penuh dengan kesukaran:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُدَّثِّرُ ۝١ قُمۡ فَأَنذِرۡ ۝٢

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

juga mengandungi bimbingan-bimbingan untuk Rasulullah s.a.w. supaya membuat persediaan yang cukup untuk melaksanakan tugas yang besar itu dan supaya memperjuangkannya mengikut arahan-arahan Allah yang berikut:

وَرَبَّكَ فَكَبِّرۡ ۝٣ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ۝٤
وَٱلرُّجۡزَ فَٱهۡجُرۡ ۝٥ وَلَا تَمۡنُن تَسۡتَكۡثِرُ ۝٦
وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ۝٧

"Dan terhadap Tuhanmu hendaklah engkau mengagung-agungkan-Nya(3). Dan terhadap pakaianmu hendaklah engkau bersihkannya(4). Dan terhadap kejahatan hendaklah engkau jauhkannya(5). Dan janganlah engkau memberi dan merasakan pemberian itu banyak (6). Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu."(7)

Bimbingan-bimbingan ini diakhiri dengan pesanan bersabar sama seperti bimbingan dalam Surah al-Muzzammil.

Kemudian surah ini mengandungi ancaman dan amaran kepada orang-orang yang tidak percayakan hari Akhirat serta perisytiharan perang secara langsung dari Allah terhadap mereka sama seperti yang terkandung di dalam Surah al-Muzzammil:

فَإِذَا نُقِرَ فِي ٱلنَّاقُورِ ۝٨
فَذَٰلِكَ يَوۡمَئِذٖ يَوۡمٌ عَسِيرٌ ۝٩
عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ غَيۡرُ يَسِيرٖ ۝١٠
ذَرۡنِي وَمَنۡ خَلَقۡتُ وَحِيدٗا ۝١١

وَجَعَلْتُ لَهُۥ مَالًا مَّمْدُودًا ١٢

"Apabila ditiupkan nafiri(8). Maka hari itulah hari yang amat sukar(9). Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir(10). Biarkanlah aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja(11). Dan aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas."(12)

وَبَنِينَ شُهُودًا ١٣ وَمَهَّدتُّ لَهُۥ تَمْهِيدًا ١٤

ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ١٥ كَلَّآ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ لِـَٔايَٰتِنَا عَنِيدًا ١٦

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ١٧

"Dan anak-anak yang selalu menemaninya(13). Dan aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya aku tambahkan lagi(15). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar."(17)

Surah al-Muddaththir ini menentukan salah seorang tokoh dari golongan pendusta itu dengan menyebutkan sifat-sifatnya dan melukiskan sebuah gambaran dari gambaran-gambaran tipu dayanya yang jahat sama seperti yang dilukiskan di dalam Surah al-Qalam.

Surah Al-Qalam Dan Surah Al-Muddaththir Sama-sama Mengecam Seorang Tokoh Penentang Da'wah

Mungkin orang yang dimaksudkan dalam surah ini dan dalam Surah al-Qalam itu ialah orang yang sama. Menurut satu pendapat, orang itu ialah al-Walid ibn al-Mughirah (sebagaimana akan diterangkan dengan terperinci ketika mentafsirkan ayat-ayat ini kelak). Kemudian surah ini menyebut sebab orang ini diperangi Allah:

إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ١٨ فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ١٩

ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ٢٠ ثُمَّ نَظَرَ ٢١

ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ٢٢

"Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(20). Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram."(22)

ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ٢٣

فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ٢٤

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ٢٥ سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ٢٦

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ٢٧

"Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir) (24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja(25). Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar(26). Tahukah engkau apakah Neraka Saqar tu?"(27)

لَا تُبْقِى وَلَا تَذَرُ ٢٨ لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ٢٩

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ٣٠

"(Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa(28). Ia membakar kulit-kulit manusia(29). Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30)

Oleh sebab tayangan pemandangan Neraka Saqar dengan bilangan sembilan belas malaikat Pengawal itu telah menimbulkan kekecohan, fitnah, keraguan, kemusykilan dan sendaan dalam kalangan orang-orang Musyrikin dan orang-orang yang lemah iman, maka surah ini telah menerangkan hikmat Allah menyebutkan bilangan itu dan mendedahkan hakikat alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Ia mendedahkan sebahagian dari kefahaman keimanan terhadap hakikat-hakikat ghaib yang tersembunyi dalam pengetahuan Allah:

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً ۙ وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ
إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِيمَٰنًا ۙ وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۙ وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَٰفِرُونَ
مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ
وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ۚ وَمَا هِىَ
إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ٣١

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat. Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang Mu'min tidak ragu-ragu, juga supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan ia (Neraka Saqar) tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia."(31)

Kemudian Al-Qur'an hubungkan pemandangan Akhirat dalam bentuk Neraka Saqar dan pengawal-pengawal yang menjaganya dengan pemandangan alam dunia untuk menambahkan kesedaran kepada hati manusia:

كَلَّا وَالْقَمَرِ ﴿٣٢﴾ وَاللَّيْلِ إِذْ أَدْبَرَ ﴿٣٣﴾
وَالصُّبْحِ إِذَا أَسْفَرَ ﴿٣٤﴾ إِنَّهَا لَإِحْدَى الْكُبَرِ ﴿٣٥﴾
نَذِيرًا لِلْبَشَرِ ﴿٣٦﴾ لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَتَقَدَّمَ أَوْ يَتَأَخَّرَ ﴿٣٧﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Demi bulan(32). Dan demi malam apabila ia berlalu(33). Dan demi pagi apabila ia menyerlah terang(34). Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu kejadian-kejadian yang amat besar(35). Sebagai amaran kepada manusia(36). Kepada siapa di antara kamu yang ingin maju atau mundur."(37)

Pengakuan Orang-orang Yang Masuk Neraka

Kemudian Al-Qur'an menayangkan kedudukan orang-orang yang berdosa dan kedudukan golongan kanan, dan menerangkan pengakuan orang-orang yang berdosa yang mengaku bahawa mereka memang wajar dipersalahkan pada hari balasan dan hisab itu, dan akhirnya ia memberi kata pemutus kepada mereka, iaitu mereka tidak akan dapat ditolong dengan syafa'at dari sesiapa pun.

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾
إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِي جَنَّاتٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٤٠﴾
عَنِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرَ ﴿٤٢﴾

"Setiap individu bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya(38). Melainkan golongan kanan (39). Mereka berada di dalam Syurga saling bertanya (40). Tentang orang-orang yang berdosa(41). Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?"(42)

قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾
وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ الْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾
وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ الْخَائِضِينَ ﴿٤٥﴾
وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ الدِّينِ ﴿٤٦﴾ حَتَّىٰ أَتَانَا الْيَقِينُ ﴿٤٧﴾
فَمَا تَنْفَعُهُمْ شَفَاعَةُ الشَّافِعِينَ ﴿٤٨﴾

"Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat(43). Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin (44). Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya(45). Dan kami mendustakan Hari Balasan(46). Hingga kami didatangi maut(47). Oleh itu, tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafa'at dari mana-mana pemberi syafa'at."(48)

Dalam suasana pemandangan mereka yang menghampa dan pengakuan mereka yang hina itu, Al-Qur'an mengecam sikap mereka dan melukiskan satu pemandangan lucu yang menggambarkan keliaran mereka yang degil dari kebenaran:

فَمَا لَهُمْ عَنِ التَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾
كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُسْتَنْفِرَةٌ ﴿٥٠﴾ فَرَّتْ مِنْ قَسْوَرَةٍ ﴿٥١﴾

"Mengapakah mereka berpaling dari peringatan (Al-Qur'an)?(49). Mereka seolah-olah keldai-keldai yang liar (50). Yang lari dari singa."(51)

. Kemudian Al-Qur'an mendedahkan hakikat keangkuhan yang berkecamuk dalam jiwa mereka, iaitu keangkuhan yang menghalang mereka dari menyambut seruan Rasulullah s.a.w. yang memberi peringatan kepada mereka:

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ امْرِئٍ مِنْهُمْ أَنْ يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

"Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar."(52)

Hakikat keangkuhan itu ialah kerana mereka menaruh hasad dengki terhadap Rasulullah s.a.w. dan berangan-angan supaya mereka dipilih menjadi Rasul, di samping satu sebab batin yang lain iaitu ketiadaan rasa taqwa:

كَلَّا ۖ بَلْ لَا يَخَافُونَ الْآخِرَةَ ﴿٥٣﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan mereka tidak takut kepada hari Akhirat."(53)

Pada akhirnya disampaikan satu kenyataan tegas dan memulangkan segala sesuatu kepada kehendak Allah dan taqdir-Nya:

كَلَّا إِنَّهُ تَذْكِرَةٌ ﴿٥٤﴾ فَمَنْ شَاءَ ذَكَرَهُ ﴿٥٥﴾
وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ ۚ هُوَ أَهْلُ التَّقْوَىٰ
وَأَهْلُ الْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya Al-Qur'an itu peringatan(54). Oleh itu sesiapa yang mahu dia boleh mengambil pengajaran darinya(55). Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

* * * * * *

Surah Al-Qalam, Al-Muzzammil Dan Al-Muddaththir Menghadapi Cabaran Yang Sama

Demikianlah surah ini merupakan satu mata rantai dari mata-mata rantai perjuangan psikologi yang dilancarkan oleh Al-Qur'an untuk menentang tabi'at jahiliyah dan kepercayaan-kepercayaannya di dalam hati orang-orang Quraisy, di samping menentang

sikap mereka yang degil, tipu daya mereka yang jahat dan keengganan mereka untuk mengikut kebenaran dengan berbagai-bagai cara dan gaya. Di sana terdapat banyak titik-titik persamaan di antara tujuan-tujuan surah ini dengan tujuan-tujuan Surah al-Muzzammil dan Surah al-Qalam. Ini menunjukkan bahawa surah-surah ini diturunkan dalam masa yang berdekatan untuk menghadapi keadaan-keadaan yang sama kecuali bahagian yang kedua dari Surah al-Muzzammil yang diturun khusus untuk memberi latihan rohaniyah kepada Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya.

* * * * * *

Surah ini mengandungi ayat-ayat yang pendek, cepat dan mempunyai berbagai-bagai jenis ceraian dan berbagai-bagai bunyi akhir katanya. Nadanya kadang-kadang lambat dan kadang-kadang pula cepat dan mengah terutama ketika menggambarkan pemandangan si pendusta yang sedang berfikir dan merancang, sekali muram sekali pula sukacita, juga ketika menggambar pemandangan Neraka Saqar yang menelan habis-habisan dan menyelar kulit-kulit manusia dan pemandangan orang-orang kafir yang lari bertempiaran dari hidayat seolah-olah mereka lari dari seekor singa.

Wujudnya berbagai-bagai nada dan bunyi bersajak pada akhiran kata mengikut berbagai-bagai pemandangan dan gambaran itu menjadikan surah ini mempunyai suatu kecapan yang istimewa terutama ketika mengulangkan setengah-setengah bunyi bersajak pada akhiran kata seperti bunyi راء yang mati pada kalimat-kalimat المدثر, أنذر, فكبر kemudian selepas seketika berulang pula pada kalimat-kalimat قدر, بسر, سقر, استكبر begitu juga perpindahan dari satu bunyi bersajak pada akhiran kata kepada satu bunyi bersajak pada akhiran kata, yang lain di dalam satu para ayat yang sama secara mengejut kerja satu tujuan yang tertentu pada ayat:

فَمَا لَهُمْ عَنِ ٱلتَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾
كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ ﴿٥٠﴾ فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍۭ ﴿٥١﴾

(Ayat 49-51)

Di dalam ayat yang pertama, Al-Qur'an bertanya dan membidas. Sedangkan di dalam ayat yang kedua ia menggambar dan mengejek. Demikianlah seterusnya.

Sekarang marilah kita mulai huraikan surah ini dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

Tugas Da'wah Tugas Yang Paling Berat

Itulah seruan Allah Yang Maha Tinggi supaya Rasulullah s.a.w. memikul tugas da'wah yang amat besar dan amat berat itu, iaitu tugas mengingat dan menyedarkan umat manusia dan menyelamatkan mereka dari malapetaka dunia dan keseksaan Neraka di Akhirat, serta membimbing mereka ke jalan keselamatan sebelum luput waktunya. Tugas ini amat berat dan sukar apabila diletakkan ke atas bahu seseorang manusia walaupun ia nabi dan rasul, kerana sikap manusia yang sesat, menderhaka, menentang, zalim, menyeleweng dan menjauhi da'wah. Oleh sebab itulah tugas da'wah merupakan tugas yang paling berat di antara tugas-tugas yang dipikul oleh seseorang manusia di dunia ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

Tugas Utama Kerasulan Ialah Penyampaian Peringatan

Penyampaian peringatan merupakan unsur yang paling nyata dari tugas kerasulan, iaitu mengingatkan manusia dari bahaya yang mengancam orang-orang yang lalai dan leka di dalam kesesatan. Di sini jelas kelihatan bagaimana limpahnya rahmat Allah terhadap para hamba-Nya. Walaupun kesesatan manusia tidak menjejaskan apa-apa kepada kerajaan Allah dan walaupun keimanan mereka tidak menambahkan apa-apa kepada kebesaran kerajaan-Nya, namun dengan limpah rahmat-Nya ia memberi sepenuh perhatian kepada mereka supaya mereka terselamat dari 'azab yang pedih di negeri Akhirat dan dari malapetaka yang membinasakan mereka di dunia, dan supaya mereka disampaikan da'wah oleh para rasul-Nya agar dapat Dia memberi keampunan kepada mereka dan memasukkan mereka ke dalam Syurga-Nya dengan limpah kurnia-Nya.

Kemudian ayat yang berikut menyampaikan arahan-arahan khusus untuk Rasulullah s.a.w. supaya menyediakan dirinya selepas beliau ditugas memberi peringatan kepada orang lain:

وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾

"Dan terhadap Tuhanmu hendaklah mengagung-agungkan-Nya."(3)

Segala Sesuatu Lenyap Di Hadapan Keagungan Allah

Hendaklah engkau membesar dan mengagung-agungkan Tuhanmu Yang Maha Esa, Allah mengarahkannya supaya beliau mengagung-agungkan Tuhannya, kerana Dialah sahaja Yang Maha Besar dan agung dan Dialah yang wajar diagung-agung dan dibesar-besarkan. Arahan ini merupakan sebahagian dari kefahaman keimanan terhadap konsep Uluhiyah dan konsep tauhid.

Setiap orang, setiap sesuatu, setiap nilai dan setiap hakikat adalah kecil belaka. Hanya Allah jua Yang

Maha Besar, dan di bawah bayang kebesaran dan kesempurnaan Allah lenyaplah segala jirim, segala saiz, segala kekuatan, segala nilai, segala peristiwa, segala keadaan, segala konsep dan segala bentuk rupa seluruhnya lenyap di dalam kebesaran dan kesempurnaan Allah Yang Maha Esa, Maha Agung dan Maha Tinggi.

Ia merupakan arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menghadapi tugas menyampaikan peringatan kepada manusia dan menempuh segala kesukarannya dengan kefahaman dan kesedaran yang teguh seperti itu. Oleh itu, ia harus memandang segala tentangan, segala kekuatan dan segala halangan sebagai kecil belaka dan merasakan bahawa Tuhannya yang menyerahkan tugas kerasulan ini sahaja Yang Maha Besar. Kesulitan dan kesusahan-kesusahan perjuangan da'wah memerlukan penda'wah-penda'wah itu sentiasa mengingati kefahaman dan kesedaran ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Kemudian ayat yang berikut menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya membersihkan diri:

"Dan terhadap pakaianmu hendaklah engkau bersihkannya."(4)

Kebersihan Diri Syarat Utama Da'wah

Dalam pemakaian bahasa Arab "kebersihan pakaian" merupakan kiasan dari kebersihan hati, akhlak dan perbuatan atau kebersihan diri yang dibalut oleh pakaian. Kebersihan merupakan satu keadaan yang sesuai untuk menerima wahyu Allah dari alam al-Mala'ul-A'la, juga merupakan satu sifat yang sebati dengan tabi'at kerasulan. Malah kebersihan merupakan satu keperluan untuk menjalankan tugas menyampaikan peringatan dan menyebarkan da'wah di tengah-tengah berbagai-bagai gelombang dan angin ribut, di tengah-tengah berbagai-bagai jalan dan lorong. Di sana penda'wah akan bertembung dengan berbagai-bagai kekotoran, kecemaran dan campur aduk, kerana itu dia perlukan kebersihan yang sempurna supaya dia dapat menyelamatkan orang-orang yang kotor tanpa terdedah kepada kekotoran itu, dan dapat menghubungi manusia-manusia yang cemar tanpa terkena kecemaran. Ayat ini merupakan suatu tarikan perhatian yang amat halus dan mendalam kepada persekitaran-persekitaran yang perlu bagi kerasulan dan da'wah untuk melancarkannya di dalam berbagai-bagai kalangan manusia, berbagai-bagai masyarakat, berbagai-bagai keadaan dan bermacam-macam hati.

Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya menjauhi syirik dan segala kejahatan yang akan dibalas dengan 'azab:

وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ﴿٥﴾

"Dan terhadap kejahatan hendaklah engkau jauhkannya."(5)

Penda'wah Harus Berpisah Dari Kemungkinan Dan Amalan Jahiliyah

Rasulullah s.a.w. telah menjauhi syirik dan perbuatan-perbuatan maksiat yang dibalas dengan 'azab itu sejak sebelum beliau diangkat menjadi Nabi lagi. Tabi'at semulajadinya yang bersih itu telah membuat beliau merasa jijik terhadap kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut itu dan terhadap tingkahlaku dan budaya-budaya jahiliyah yang kotor itu, kerana itu beliau tidak pernah menyertai dalam mana-mana amalan jahiliyah. Maksud dari arahan ini ialah supaya beliau pisahkan dirinya dari jahiliyah dan mengisytiharkan pemisahan yang tidak ada tidak damai, kerana jalan hidayat dan jalan jahiliyah merupakan dua batang jalan yang tidak mempunyai titik pertemuan. Begitu juga arahan itu bermaksud supaya beliau menjaga diri dari terkena kekotoran kejahatan-kejahatan itu. Kata-kata "الرجز" (ar-rujza) pada asalnya bermakna "'azab" kemudian dipakai dengan makna kejahatan-kejahatan yang membawa kepada akibat yang mengazabkan seseorang. Hendaklah beliau berwaspada menjaga kebersihan dirinya dari noda-noda kejahatan itu.

Kemudian Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya melupakan kepentingan-kepentingan dirinya dan jangan membangkit-bangkitkan segala usaha tenaga yang dikorbankannya dan merasakan pengorbanannya itu cukup banyak dan besar:

"Dan janganlah engkau memberi dan merasakan pemberian itu banyak."(6)

Penda'wah Harus Lupakan Kepentingan Diri Dan Membangkit-bangkitkan Jasa Dan Bakti

Kerana masih banyak lagi yang harus diberi dan dikorbankan oleh beliau, dan masih banyak lagi kesukaran, pengorbanan dan kepenatan yang akan dihadapi beliau. Allah tidak mahu beliau memandang apa yang dikorbankannya sebagai amat besar, banyak dan membangkit-bangkitkannya. Tugas da'wah tidak menjadi betul pada penda'wah yang memperhitungkan pengorbanan-pengorbanannya, kerana pengorbanan untuk da'wah adalah terlalu besar dan tidak tertanggung oleh penda'wah kecuali ia melupakan terus pengorbanan itu dan kecuali dari asal lagi ia tidak terasa dengan pengorbanannya itu kerana seluruh perasaannya telah tertumpu kepada Allah dan kerana dia sedar bahawa segala apa yang dikorbankannya itu adalah dari limpah kurnia Allah belaka. Oleh itu, pengorbanannya merupakan satu kelebihan yang dikurniakan Allah kepadanya. Dia telah dipilih Allah untuk mendapat kelebihan dan penghormatan berkorban dan kerana itu dia harus bersyukur kepada Allah bukannya membangkit-bangkitkan pengorbanannya dan bukan merasakan pengorbanannya cukup banyak dan besar.

Pada akhirnya Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya bersabar:

"Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu."(7)

Penda'wah Harus Berperisaikan Kesabaran

Kesabaran merupakan pesanan Allah yang sentiasa diulang-ulangkan pada setiap perintah berda'wah dan setiap pernyataan meneguhkan perjuangan da'wah. Kesabaran merupakan bekalan yang pokok dalam perjuangan da'wah yang amat sukar iaitu perjuangan da'wah kepada Allah. Perjuangan dua hala menentang keinginan hati dan menentang musuh-musuh da'wah yang dipimpin oleh syaitan-syaitan dan nafsu keinginan. Ia merupakan satu perjuangan yang amat panjang dan amat sengit, tiada bekalan untuk perjuangan ini kecuali kesabaran yang diniatkan dengan ikhlas kerana Allah dan kerana mencapai balasan dan keredhaan-Nya semata-mata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Setelah selesai menyampaikan arahan kepada Rasul-Nya yang mulia, ayat yang berikut memberi amaran kepada manusia-manusia yang lain dengan satu kenyataan yang merangsangkan kesedaran mereka terhadap kedatangan Hari Qiamat yang dahsyat, yang diperingatkan oleh Rasul:

"Apabila ditiupkan nafiri(8). Maka hari itulah hari yang amat sukar(9). Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir."(10)

Detik-detik Ketibaan Qiamat

Ungkapan "نقر في الناقور" (ditiupkan nafiri) di dalam ayat-ayat yang lain diungkapkan dengan kata-kata "نفخ في الصور" (ditiupkan sangkakala), tetapi ungkapan "ditiupkan nafiri" di dalam surah ini menyaran bunyi suara yang lebih keras seolah-olah bunyi patukan atau catukan yang amat kuat, kerana bunyi yang mematuk dan memukau gegendang telinga itu lebih keras dari bunyi yang didengar telinga. Oleh itu, Al-Qur'an sifatkan hari itu sebagai hari yang amat sukar, yang tiada membawa sebarang bayang kesenangan kepada orang-orang yang kafir:

"Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir."(10)

Segala-galanya pada hari itu sulit dan sukar belaka, dan kesulitan itu tidak akan diselangi sebarang kesenangan dan kemudahan. Al-Qur'an tidak menghuraikan keadaan yang sukar itu, malah ditinggalkan umum begitu sahaja tanpa ulasan, dan ini membayangkan seluruh mereka berada dalam keadaan cemas, susah, derita, gelisah, risau dan bosan. Alangkah baiknya kepada orang-orang yang kafir mendengar amaran Rasul ini sebelum ditiupkan nafiri yang akan mendedahkan mereka kepada hari yang amat sukar dan sulit itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 30)

Kisah Seorang Tokoh Penentang Da'wah Yang Amat Jahat

Setelah selesai memberi amaran kepada semua manusia, ayat yang berikut berpindah pula untuk berdepan dengan seorang tokoh tertentu dari golongan pendusta-pendusta iaitu seorang tokoh yang nampaknya mempunyai peranan utama dan istimewa dalam gerakan menetang da'wah. Lalu Al-Qur'an hadapkan kepadanya satu ancaman dan amaran yang menghancur-leburkannya dan melukiskannya dengan satu gambaran yang keji dan lucu keadaan hidup, keadaan jiwa dan air mukanya muncul begitu jelas dan begitu hidup di celah-celah kata-kata yang menggambarkannya:

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

وَجَعَلْتُ لَهُ مَالًا مَمْدُودًا ﴿١٢﴾ وَبَنِينَ شُهُودًا ﴿١٣﴾

وَمَهَّدْتُ لَهُ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾ ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja(11). Dan Aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas(12). Dan anak-anak yang selalu menemaninya(13). Dan Aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya aku tambahkan lagi."(15)

كَلَّا إِنَّهُ كَانَ لِآيَاتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

سَأُرْهِقُهُ صَعُودًا ﴿١٧﴾ إِنَّهُ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar(17). Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang."(20)

ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ أَدْبَرَ وَاسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِنْ هَٰذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25)

سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾

لَا تُبْقِى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar(26). Tahukah engkau apakah Neraka Saqar itu?(27). (Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa(28). Ia membakar kulit-kulit manusia(29). Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30)

Kisah Al-Walid Ibn Mughirah Al-Makhzumi Tokoh Penentang Da'wah Yang Kaya Dan Berpengaruh

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang menunjukkan bahawa tokoh yang dimaksudkan di sini ialah al-Walid ibn al-Mughirah al-Makhzumi. Ujar Ibn Jarir: Kami diceritakan oleh Ibn Abdul A'la, kami diceritakan oleh Muhammad ibn Thaurah dari Ma'mar dari 'Ubadah ibn Mansur, dari 'Ikrimah bahawa al-Walid ibn al-Mughirah telah datang menemui Nabi s.a.w., lalu beliau membaca Al-Qur'an kepadanya dan dia seolah-olah tertarik kepada beliau. Kemudian berita pertemuan itu sampai kepada Abu Jahl ibn Hisyam, lalu dia datang menemui al-Walid dan berkata kepadanya: "Pak Cik! Kaum Pak Cik mahu mengumpulkan harta untuk Pak Cik." Lalu ia bertanya: "Mengapa?" Jawab Abu Jahl: "Mereka mahu memberikannya kepada Pak Cik sebab Pak Cik telah menemui Muhammad kerana meminta sesuatu darinya, (Abu Jahal mahu membakar hati al-Walid dari segi kewangan kerana dia tahu al-Walid sangat sensitif dengan hal ini). Lalu al-Walid berkata: "Orang-orang Quraisy memang tahu bahawa akulah orang yang paling kaya dalam kalangan mereka." Ujar Abu Jahl, "Jika begitu, berilah pendapat Pak Cik terhadap Muhammad supaya kaum Pak Cik semua tahu bahawa Pak Cik tidak percaya kepada apa yang dicakapkannya dan menaruh benci kepadanya." Jawab al-Walid. "Apakah yang aku akan katakan terhadapnya? Demi Allah tidak seorangpun dari kamu yang lebih alim dariku tentang sajak-sajak dan ragam-ragamnya juga sajak-sajak jin, tetapi demi Allah, apa yang diucapkan oleh Muhammad itu tidak serupa sedikitpun dengan sajak-sajak itu. Demi Allah, kata-kata yang diucapkannya itu amat manis dan amat tinggi." Kata Abu Jahl: "Demi Allah, kaum Pak Cik tidak akan puas hati sehingga Pak Cik memberi pendapat Pak Cik terhadap kata-kata yang diucapkan oleh Muhammad." Jawab al-Walid: "Baiklah. Biarkan aku fikirkannya." Setelah berfikir dia pun berkata, "Al-Qur'an yang diucapkan oleh Muhammad ini tidak lain melainkan kata-kata sihir yang dinukilkannya dari ahli-ahli sihir." lalu turunlah ayat 11 hingga 30 surah ini.

Mengikut satu riwayat yang lain orang-orang Quraisy berkata, "Jika al-Walid keluar dari agamanya, maka seluruh orang-orang Quraisy akan ikut keluar dari agama mereka." Lalu Abu Jahl berkata, "Biarlah aku menolong kamu untuk menghalanginya. "Kemudian dia masuk menemui al-Walid. Selepas berfikir panjang al-Walid berkata, "Al-Qur'an yang diucapkan oleh Muhammad itu ialah kata-kata sihir yang dinukil dari ahli-ahli sihir. Tidakkah kamu lihat bagaimana Muhammad telah memecahbelahkan seseorang dengan keluarganya, anak-anaknya dan bekas-bekas hamba?"

Inilah peristiwa yang berlaku mengikut keterangan riwayat-riwayat, tetapi Al-Qur'an menceritakannya dengan gambaran yang hidup dan menarik. Ia mulakan dengan ancaman yang amat menakutkan:

Allah Mengambil Alih Teruju Perjuangan Menentang Musuh Da'wah

ذَرْنِى وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja."(11)

Kata-kata ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. dengan erti: Wahai Muhammad! Tinggalkan sahaja orang itu kepada Aku. Biarkan Aku sahaja bertindak terhadapnya. Akulah yang telah menciptakannya sebatang kara. Dia dulunya tidak memiliki sesuatu apa dari harta kekayaannya yang luas, tidak juga mempunyai anak-anak yang sentiasa berada bersama dengannya dan tidak mempunyai ni'mat-ni'mat kemegahannya yang telah menjadikannya seorang yang congkak bongkak sekarang ini. Biarkan Aku sahaja bertindak terhadapnya, dan janganlah hatimu risau dengan tindak-tanduknya yang jahat, kerana Aku sendiri akan memeranginya. Di sini hati kita menggigil ketakutan apabila memikirkan kemunculan kekuatan Allah Yang Maha Kuasa untuk menggayangkan makhluk yang kerdil ini, iaitu rasa gementar yang dicampakkan Al-Qur'an ke dalam hati pembaca dan pendengar yang aman dari ketakutan ini. Jadi, bagaimana pula dengan orang-orang yang benar-benar dilandakan ketakutan ini.

Al-Qur'an menerangkan dengan panjang keadaan hidup makhluk yang kerdil itu dan ni'mat-ni'mat yang dianugerahi Allah kepadanya sebelum menerangkan kisah kedegilan dan keengganannya untuk beriman. Allah telah menjadikannya dulu seorang diri tidak memiliki sesuatu apa walaupun kain bajunya. Kemudian selepas itu, Allah kurniakan kepadanya harta kekayaan yang melimpah-ruah, anak-anak yang ramai yang sentiasa berada di sekelilingnya dan kemudahan hidup yang sempurna.

"Kemudian dia terus tamak supaya Aku tambahkan lagi."(15)

Yakni dia merasa tidak cukup dengan segala apa yang telah dikurniakan kepadanya, dan dia tidak bersyukur. Barangkali dia ingin supaya wahyu dan kitab suci itu juga diturun dan dikurniakan kepadanya sebagaimana diterangkan di akhir surah iaitu:

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ ٱمْرِيٍٕ مِّنْهُمْ أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

"Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar."(52)

Jadi dia termasuk dalam golongan mereka yang menaruh hasad dengki terhadap Rasulullah s.a.w. kerana beliau dipilih menjadi Nabi, tetapi kemahuannya itu telah diherdikkan Allah dengan keras. Dia tidak pernah membuat kebaikan dan keta'atan dan tidak pernah bersyukur kepada Allah kemudian dia masih mengharap supaya Allah menambahkan lagi pemberian-Nya:

كَلَّآ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ لِءَايَٰتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami."(16)

Kata-kata كلا digunakan untuk membentak dan mencela. Dia menentang bukti-bukti kebenaran dan keimanan dengan degil. Dia menghalangi da'wah dan memerangi Rasul-Nya. Dia enggan menerima da'wah dan menahan orang lain menerimanya, dan ia menyebarkan berbagai-bagai tuduhan yang mengelirukan terhadap da'wah.

Kemudian bentakan dan celaan itu diiringi dengan amaran yang akan menukarkan kesenangan dengan kesulitan dan kesukaran:

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾

"Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar."(17)

Orang Yang Menyeleweng Dari Kebenaran Akan Menempuh Jalan Yang Sukar

Ungkapan ini menggambarkan gerak kesukaran kerana pergerakan mendaki jalan yang tinggi itu merupakan satu perjalanan yang amat sukar dan memenatkan, apatah lagi apabila seseorang itu mendaki dengan terpaksa bukan dengan kehendaknya sendiri. Senafas itu juga, ungkapan ini menyampaikan satu hakikat yang benar kerana orang yang menyeleweng dari jalan iman yang mudah dan senang itu akan terkisut-kisut di jalan yang berlopak-lopak dan sukar dan akan hidup dalam keadaan resah gelisah, cemas, risau dan bosan seolah-olah ia mendaki langit atau mendaki jalan yang licin, sukar dan tandus tanpa bekalan, tanpa rehat dan tanpa harapan di penghujung jalan.

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu gambaran yang kreatif terhadap gerak-gerinya yang lucu ketika dia sedang memerahkan otak dan sarafnya, mengerut-ngerutkan dahinya dan memasamkan wajahnya kerana mencari suatu cacat cela dan suatu alasan yang keji untuk mencacatkan Al-Qur'an:

إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾ فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾

ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾ ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(20). Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25)

Gambaran Cara Berfikir Yang Lucu

Sebabak demi sebabak pemandangan, gerak-geri dan fikirannya digambarkan dengan begitu hidup seolah-olah dilukis dengan mata pena bukan diungkapkan dengan kata-kata, malah seolah-olah gambaran filem yang bergerak menangkap pemandangan sebabak demi sebabak. Satu pemandangan menunjukkan dia sedang berfikir kemudian diikuti dengan kutukan **"Binasalah dia"** dan diiringi kecaman dan sendaan **"Betapa anehnya, dia merancang."** Kutukan dan kecaman itu disebut berulang-ulang kali untuk menambahkan keberkesanannya. Satu pemandangan pula menunjukkan dia sedang termenung mencari buah fikiran dalam keadaan serius yang dibuat-buat yang membayangkan sendaan dan penghinaan. Dan satu pemandangan lagi menunjukkan wajahnya berubah masam dan muram kerana mengumpulkan segala daya pemikirannya dalam satu gaya yang lucu.

Tetapi setelah penat memerahkan otak dia tidak mendapat suatu apa, malah dia terus membelakangi nur hidayat dan enggan menerima kebenaran lalu berkata:

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25)

Itulah pemandangan-pemandangan yang sungguh hidup yang diterapkan oleh Al-Qur'an dalam imaginasi manusia. Satu gambaran yang lebih hidup dari lukisan berus di atas kanvas dan lebih indah dari tayangan filem yang bergerak. Gambaran itu

membuat dia menjadi bahan sendaan manusia di sepanjang zaman. Gambaran itu mengabadikan satu potret yang hina di tengah alam buana yang dapat dilihat oleh generasi-generasi manusia yang silih berganti.

Neraka Saqar Menunggu Penentang-penentang Da'wah

Setelah selesai menayangkan pemandangan-pemandangan yang begitu hidup menggambarkan seorang makhluk yang lucu, maka ia iringi pula dengan amaran yang menakutkan:

سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾

"Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar."(26)

Amaran itu lebih menakutkan lagi apabila ia bertanya:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾

"Tahukah engkau apakah Neraka Saqar itu?"(27)

Ia lebih besar dan lebih dahsyat dari yang dapat difikir oleh manusia, dan selepas itu ia iringi dengan menerangkan suatu sifat Neraka yang amat menggerunkan:

لَا تُبْقِى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾

"(Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa."(28)

Yakni ia menyapu bersih, menelan licin, menghapus terus, tiada suatu yang dapat menahannya, dan tiada suatu sisa yang tinggal.

Kemudian api Neraka Saqar itu menyerang kulit tubuh manusia:

لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾

"Ia membakar kulit-kulit manusia."(29)

Di dalam Surah al-Ma'arij Allah sifatkan api Neraka:

تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾

"Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)."

(Surah al-Ma'arij : 17)

Di sini Neraka Saqar memperkenalkan dirinya seolah-olah bertujuan untuk menimbulkan ketakutan di dalam hati mereka dengan rupanya yang mengerikan.

Ia dikawal oleh para pengawal:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30)

Kita tidak tahu adakah mereka malaikat-malaikat yang kasar dan keras atau barisan-barisan atau jenis-jenis malaikat. Ini adalah satu berita dari Allah yang kita akan mengetahui ulasannya selepas ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 31)

Bilangan Pengawal Neraka Dipertikaikan

Orang-orang Mu'min menerima penjelasan mengenai bilangan pengawal-pengawal Neraka dari Allah itu dengan penuh yakin tanpa mempertikaikannya. Tetapi orang-orang Musyrikin menerima penjelasan bilangan pengawal itu dengan hati yang sunyi dari iman, sunyi dari rasa hormat kepada Allah dan sunyi dari sikap yang serius dalam menerima penjelasan mengenai perkara yang amat besar ini. Mereka mempermain-main dan mengejek-ngejek bilangan itu dan menggunakannya sebagai bahan gurau senda, setengahnya berkata: "Tidakkah setiap sepuluh orang dari kamu ini sanggup membunuh seorang pengawal dari sembilan belas pengawal Neraka itu?" Ada pula yang berkata: "Kamu sekalian boleh membunuh dua orang dari pengawal-pengawal itu dan yang bakinya serahkan kepadaku sahaja mengerjakan mereka:" Mereka menerima perkara yang amat besar ini dengan jiwa yang mati dan tertutup.

Ketika itu turunlah ayat-ayat berikut untuk menjelaskan hikmat Allah menyebutkan sebahagian dari perkara-perkara ghaib dan bilangan pengawal, di samping mengembalikan ilmu perkara-perkara yang ghaib kepada Allah dan menerangkan tujuan menyebut Neraka Saqar dan pengawal-pengawalnya:

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً ۙ وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ
إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِيمَٰنًا ۙ وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۙ وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَٰفِرُونَ
مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ
وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ۚ وَمَا هِىَ
إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat. Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang Mu'min tidak ragu-ragu, juga supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan ia (Neraka Saqar) tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia."(31)

Pengawal-pengawal Neraka Dari Jenis Malaikat

Ayat ini dimulai dengan penjelasan tentang hakikat sembilan belas pengawal yang dipertikaikan oleh kaum Musyrikin:

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَـٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَـٰٓئِكَةً

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat."(31)

Mereka adalah dari makhluk alam ghaib yang tiada siapa pun mengetahui sifat dan kekuatannya melainkan Allah. Allah telah menerangkan sifat mereka:

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

"Mereka tidak menderhakakan Allah terhadap apa sahaja perintah yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan apa sahaja yang diperintah."

(Surah at-Tahrim: 6)

Ayat ini menerangkan bahawa mereka sentiasa ta'at menjalankan segala apa sahaja yang diperintahkan Allah, dan mereka mempunyai daya kekuatan untuk melaksanakan perintah itu. Apabila mereka ditugaskan mengawal Neraka Saqar, maka bererti mereka telah dibekalkan Allah dengan kekuatan-kekuatan yang diperlukan oleh tugas itu. Oleh itu, mereka tidak mungkin dapat dilawan dan dikalahkan oleh manusia yang lemah. Cakap-cakap mereka untuk melawan dan mengalahkan para malaikat itu adalah lahir dari kejahilan mereka yang tebal terhadap penciptaan dan pentadbiran Allah.

وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟

"Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir."(31)

Mengapa Bilangan Pengawal Neraka Sahaja?

Persoalan bilangan malaikat pengawal Neraka itulah yang telah merangsangkan keinginan mereka untuk membantah dan berdebat. Mereka tidak tahu manakah tempat-tempat yang wajar untuk mereka menerima dengan patuh dan manakah tempat-tempat yang wajar untuk mereka berdebat dan membantah. Persoalan bilangan malaikat-malaikat pengawal itu merupakan satu persoalan alam ghaib dari urusan Allah yang tidak diketahui manusia, sama ada banyak atau sedikit. Apabila Allah memberitahu sesuatu perkara yang berhubung dengan alam ghaib, maka Dialah sahaja satu-satunya sumber mengenai hakikat alam itu. Tugas manusia hanya menerima maklumat itu dengan penuh patuh dan yakin tanpa mempertikaikan sesuatu. Seseorang itu boleh membantah dan berbahas apabila dia mempunyai maklumat-maklumat yang bertentangan dengan maklumat-maklumat yang baru diterimanya, tetapi persoalan bilangan sembilan belas pengawal, walau dengan apa pengertian sekalipun, adalah satu persoalan yang hanya diketahui oleh Allah yang menciptakan segala sesuatu mengikut kadar-kadarnya yang tertentu. Bilangan ini sama dengan bilangan-bilangan yang lain. Siapa yang ingin berdebat boleh berdebat dan membantah mana-mana bilangan dan mana-mana perkara yang lain juga. Misalnya mengapa langit itu tujuh? Mengapa manusia diciptakan dari tanah kering seperti tembikar? Mengapa Jin dijadikan dari pucuk api? Mengapa bayi dikandung sembilan bulan? Mengapa kura-kura dapat hidup ribuan tahun? Mengapa? Mengapa? Jawapannya ialah kerana Allah Penciptanya mahu berbuat begitu dan Allah membuat apa yang dikehendaki-Nya. Inilah kata pemutus dalam perkara-perkara yang seumpama ini.

لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟

إِيمَـٰنًا ۙ وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۙ

"Supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin, bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang Mu'min tidak ragu-ragu."(31)

Kedua-dua golongan itu masing-masing memperolehi hasil kefahaman yang baik mengenai bilangan pengawal-pengawal Neraka itu. Setengahnya menerima dengan penuh keyakinan dan setengah yang lain pula menerimanya dengan keimanan yang semakin bertambah kukuh.

Mereka yang dikurniakan al-Kitab tentulah mempunyai sedikit sebanyak maklumat mengenai hakikat bilangan pengawal Neraka itu. Oleh itu, apabila mereka mendengar Al-Qur'an menyebut bilangan itu, mereka terus yakin, kerana keterangan itu sesuai dengan maklumat yang ada pada mereka. Kepada orang-orang yang beriman pula setiap keterangan dari Allah menambahkan keimanan mereka, kerana hati mereka sentiasa terbuka dan berhubung rapat dengan Allah serta menerima hakikat-hakikat secara langsung darinya. Setiap penjelasan yang datang dari Allah menambahkan hubungan kasih mesra mereka terhadap Allah dan membuat hati mereka yakin terhadap hikmat Allah yang menentukan bilangan itu dan terhadap perencanaan-Nya yang rapi dan teliti dalam mengendalikan makhluk-makhluk-Nya, kerana itu hati mereka semakin kukuh keimanannya dan mereka sama sekali tidak ragu-ragu terhadap sebarang keterangan yang datang dari Allah.

وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَـٰفِرُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ

بِهَـٰذَا مَثَلًا ۚ

"Dan supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini?"(31)

Allah Memberi Penjelasan Yang Benar Dan Manusia Menyambut Dengan Tanggapan Yang Berbelah-bahagi

Demikianlah satu hakikat yang sama meninggalkan dua kesan yang berlainan di dalam hati-hati yang berlainan. Sementara orang-orang yang dikurniakan al-Kitab mendapat keyakinan dan orang-orang Mu'min bertambah keimanan mereka, maka orang-orang kafir dan orang-orang Munafik yang lemah keimanan pula berada di dalam keadaan bingung, "Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini?" Mereka tidak dapat memahami hikmatnya yang aneh dan tidak dapat menerima hikmat Allah yang bebas di dalam menentukan setiap makhluk-Nya. Mereka tidak yakin kepada berita yang benar itu dan kepada kebaikan yang tersembunyi yang dikeluarkan dari alam ghaib kepada alam nyata itu.

كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهۡدِي مَن يَشَآءُۚ

"Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya."(31)

Demikianlah Allah menjelaskan hakikat-hakikat dan membentangkan pengajaran-pengajaran yang berlainan, lalu disambut oleh hati-hati manusia dengan sambutan yang berlainan. Satu golongan mendapat hidayat dari penjelasan-penjelasan itu mengikut kehendak Allah dan satu golongan lagi mendapat kesesatan darinya mengikut kehendak Allah. Segala-galanya berakhir dengan iradat dan kehendak Allah yang bebas. Umat manusia muncul dari tangan qudrat Allah dengan dwi kesediaan, iaitu kesediaan untuk menerima hidayat dan kesediaan untuk terjerumus ke dalam kesesatan. Mereka yang mendapat hidayat dan mereka yang sesat kedua-duanya bertindak dalam batas-batas kehendak Allah yang telah menciptakan mereka dengan dwi kesediaan itu, dan memberi kemudahan kepada mereka menuju ke jalan itu atau menuju ke jalan ini mengikut hikmat Allah yang tersembunyi.

Cara Yang Betul Dalam Memahami Konsep Kebebasan Iradat Allah Dan Hubungannya Dengan Iradat Manusia

Kefahaman terhadap konsep kebebasan iradat Allah dan berakhirnya segala sesuatu di dalam alam ini dengan iradat Allah yang difaham dengan pengertian yang sempurna dan luas itu dapat menyelamatkan akal manusia dari perdebatan-perdebatan yang sempit di sekitar apa yang dinamakan mereka sebagai masalah "paksaan (al-Jabr) dan iradat" (atau masalah qadha' dan qadar) iaitu perdebatan yang tidak dapat membawa kepada satu kefahaman yang betul, kerana masalah itu dibahas dari sudut yang sempit dan ditimbang di dalam bentuk-bentuk yang terbatas sebagai hasil yang logikal dari pemikiran, pengalaman dan kefahaman-kefahaman manusia yang terbatas, sedangkan persoalan yang dibahas itu merupakan satu persoalan dari persoalan-persoalan ketuhanan yang tidak terbatas.

Allah telah menerangkan kepada kita jalan hidayat dan jalan kesesatan, dan menggariskan kepada kita satu jalan hidup supaya diikuti oleh kita untuk mendapatkan hidayat itu, dan seterusnya supaya kita berbahagia dan berjaya, begitu itu juga Allah telah menjelaskan kepada kita berbagai-bagai jalan hidup yang menyeleweng yang membawa kita kepada kesesatan, kecelakaan dan kerugian. Allah tidak mentaklifkan kita supaya kita mengetahui sesuatu yang lain di sebalik itu, dan Allah juga tidak memberi kepada kita daya qudrat yang memungkinkan kita mengetahui sesuatu di sebalik itu. Allah telah menerangkan kepada kita bahawa iradat-Nya bebas dan segala kemahuan-Nya lulus. Oleh itu, kewajipan kita ialah berusaha sedaya upaya memahami hakikat iradat dan kehendak Allah yang bebas, mutlak dan lulus itu, di samping mengiltizamkan diri kita mematuhi jalan hidup yang lurus dan menjauhi jalan-jalan hidup yang sesat. Kita tidak seharusnya sibukkan diri kita dalam perdebatan-perdebatan yang sia-sia di sekitar persoalan alam ghaib yang kita sendiri tidak diberikan kuasa dan keupayaan untuk memahami hakikatnya. Oleh kerana itu kami melihat dan berpendapat bahawa masa dan tenaga yang dikorbankan oleh ulama'-ulama' ilmu-Kalam membahaskan masalah qadha' qadar secara yang dilakukan mereka itu adalah sia-sia dan tidak berfaedah sedikit pun kerana perbahasan itu dilakukan di luar bidang keupayaan mereka yang sebenar.

Kita tidak mengetahui iradat dan kehendak Allah yang ghaib, tetapi kita tahu apa yang dikehendaki Allah supaya kita laksanakannya agar kita berhak mendapat limpah kurnia-Nya yang telah disanggupinya. Oleh kerana itu kewajipan kita ialah mengorbankan seluruh daya tenaga dan usaha kita untuk melaksanakan kehendak-kehendak Allah yang telah ditaklifkan ke atas kita, dan meninggalkan persoalan iradat dan kehendak-Nya yang ghaib itu kepada Dia sahaja. Segala apa yang akan berlaku itu tertakluk kepada kehendak Allah, dan setelah ia berlaku barulah kita tahu bahawa itulah kehendak Allah dan kita tidak tahu sebelum ia berlaku. Segala apa yang akan berlaku mempunyai hikmat di sebaliknya dan hanya Allah sahaja Yang Maha Mengetahui segala-galanya. Inilah cara pemikiran dan methodologi pemahaman orang Mu'min.

وَمَا يَعۡلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَۚ

"Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja."(31)

Hakikat tentera Allah, fungsinya dan kekuatannya merupakan perkara-perkara alam ghaib. Allah menerangkan perkara-perkara itu sekadar yang dikehendaki-Nya sahaja dan apa yang diterangkan merupakan kata pemutus dalam perkara itu. Tiada siapapun boleh membantah dan mempertikaikannya. Begitu juga tiada siapapun yang boleh berusaha untuk mengetahui sesuatu yang ghaib yang tidak diterangkan Allah, kerana tiada jalan untuk mengetahuinya.

"Dan ia tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia."(31)

Maksud **"ia"** (هي) di sini mungkin tentera Allah dan mungkin pula Neraka Saqar bersama-sama para pengawalnya yang juga merupakan sebahagian dari tentera Allah. Ia disebut di sini dengan maksud memberi peringatan dan amaran bukan untuk dijadikan bahan perdebatan dan pertikaian. Hati Mu'min akan mengambil pengajaran dari peringatan dan amaran, tetapi hati yang sesat akan menjadikan peringatan itu sebagai bahan pertikaian dan perdebatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 36)

Setelah menjelaskan hakikat alam ghaib dan cara berfikir yang betul dan yang sesat, maka ayat-ayat berikut menghubungkan hakikat Akhirat, hakikat Neraka Saqar, dan hakikat tentera Allah dengan gejala-gejala kejadian alam nyata yang dilihat manusia dan dilalui mereka dengan hati yang lalai, sedangkan kejadian itu menunjukkan betapa rapinya pentadbiran dan perencanaan Allah terhadap alam dan seterusnya menunjukkan bahawa di sebalik tadbir dan perencanaan Ilahi yang rapi itu ada tujuan dan matlamat, ada hisab dan balasan:

"Tidak sekali-kali begitu. Demi bulan(32). Dan demi malam apabila ia berlalu(33). Dan demi pagi apabila ia menyerlah terang(34). Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu dari kejadian-kejadian yang amat besar (35). Sebagai amaran kepada manusia."(36)

Bulan Dan Waktu-waktu Malam Yang Dan Pagi Melahirkan Pemandangan-pemandangan Yang Mencuit Hati Dan Merangsangkan Fikiran

Pemandangan-pemandangan bulan, malam yang berlalu dan waktu pagi yang terang benderang merupakan pemandangan-pemandangan yang banyak memberi ilham. Ia membisikkan berbagai-bagai rahsia ke dalam hati manusia dan merangsangkan berbagai-bagai perasaan mereka. Al-Qur'an yang mencuit pusat-pusat dalaman perasaan dan rahsia hati manusia dengan isyarat yang sekilas ini memang arif dengah pintu-pintu hati mereka dan lorong-lorongnya.

Jaranglah hati manusia yang segar kerana melihat bulan yang sedang naik, atau sedang turun atau menghilang, kemudian ia tidak teringat sedikit pun kepada rahsia alam yang dibisikkan oleh bulan itu. Kadang-kadang sekali berdiri di bawah cahaya bulan boleh mencucikan hati seseorang seolah-olah dia mandi dengan cahaya.

Jaranglah hati manusia yang segar kerana melihat malam yang sedang berlalu dalam sa'at-sa'at tenang menjelang naiknya matahari dan ketika alam ini mula sedar dan membuka matanya kemudian tidak terlekat sedikitpun kesan pemandangan itu di dalam hatinya dan tidak mendenyut dalam lubuk jiwanya fikiran-fikiran yang halus.

Jaranglah hati manusia yang segar kerana melihat waktu pagi yang terserlah dengan sinarnya yang terang, kemudian tidak mendenyut sedikit pun perasaan gembira dan riang dan tidak menghasilkan fikiran yang terbuka dan perasaan yang berubah dari satu keadaan kepada keadaan yang lain yang membuat dirinya lebih bersedia untuk menerima nur hidayat yang memancar di dalam hati nuraninya bersama-sama cahaya pagi yang dilihat mata mereka.

Allah yang telah menciptakan hati manusia itu tahu bahawa pemandangan-pemandangan alam itu kadang-kadang boleh membawa perubahan-perubahan yang menakjubkan kepada hatinya seolah-olah pemandangan-pemandangan itu menjadikannya seorang insan yang baru.

Di sebalik keterserlahan-keterserlahan, pancaran-pancaran dan sambutan-sambutan yang wujud pada bulan, malam dan waktu pagi, terdapat hakikat besar yang menarik yang dijadikan objek oleh Al-Qur'an supaya difikir oleh akal, juga terdapat bukti yang menunjukkan qudrat Allah yang amat kreatif dan pentadbiran-Nya yang bijaksana dalam mengaturkan alam buana dengan cara yang begitu rapi dan halus yang mengkagumkan akal kita.

Allah bersumpah dengan hakikat-hakikat kejadian alam yang besar itu untuk menyedarkan orang-orang yang lalai terhadap nilai-nilai dan makna-maknanya yang besar. Kemudian Allah bersumpah bahawa Neraka Saqar atau para pengawalnya atau alam Akhirat dengan segala isinya merupakan salah satu dari perkara-perkara besar yang aneh yang memberi amaran kepada manusia terhadap bahaya yang mengancam di belakang mereka:

"Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu dari kejadian-kejadian yang amat besar."(35)

Sumpah ini dan isi kandungannya dan objektifnya yang diungkapkan sebegini merupakan tukul-tukul yang mengetuk hati manusia dengan keras sejajar dengan gema tiupan nafiri dan kesannya pada perasaan manusia dan selaras dengan seruan di permulaan surah supaya bangkit dan memberi amaran:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 38)

Setiap Insan Bertanggungjawab Terhadap Dirinya

Di bawah bayangan kenyataan-kenyataan yang menarik dan penting ini, Allah mengumumkan bahawa setiap orang bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri dan memberi pilihan kepada mereka untuk menentukan jalan dan kesudahan hidup mereka masing-masing, juga mengumumkan bahawa setiap orang bertanggungjawab terhadap segala perbuatan yang dilakukannya dengan pilihannya sendiri. Setiap mereka terikat dengan amalan dan dosa masing-masing:

"Kepada siapa di antara kamu yang ingin maju atau mundur(37). Setiap individu bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya."(38)

Setiap individu memikul masalah dan tanggungawab dirinya sendiri. Setiap orang boleh meletakkan dirinya di mana dia suka, sama ada dia hendak meletakkannya di tempat yang maju atau meletakkannya di tempat yang mundur, sama ada dia mahu memuliakan dirinya atau menghinakannya. Dia tetap terikat dan bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukan. Allah telah menerangkan kepada manusia jalan yang diredhai-Nya supaya mereka ikutinya dengan penuh kesedaran dan hati-hati. Allah membuat pengumuman supaya manusia meneliti pemandangan-pemandangan alam yang menarik dan memikirkan pemandangan Neraka Saqar yang membakar habis-habisan. Pengumuman ini sudah tentu mempunyai kesan dan nilainya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 39 - 48)

Golongan Kanan Merupakan Golongan Yang Mendapat Kebebasan

Ketika menayangkan pemandangan setiap orang yang terikat dengan tanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya Al-Qur'an menerangkan bahawa golongan kanan adalah dibebaskan dari ikatan tersebut dan mereka dikurniakan hak menyoal orang-orang yang berdosa yang berakhir dengan nasib yang malang:

إِلَّا أَصْحَٰبَ ٱلْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِى جَنَّٰتٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٤٠﴾
عَنِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمْ فِى سَقَرَ ﴿٤٢﴾
قَالُوا۟ لَمْ نَكُ مِنَ ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

"Melainkan golongan kanan(39). Mereka berada di dalam Syurga saling bertanya(40). Tentang orang-orang yang berdosa(41). Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?(42). Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat."(43)

وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ ٱلْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾
وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ ٱلْخَآئِضِينَ ﴿٤٥﴾
وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤٦﴾ حَتَّىٰٓ أَتَىٰنَا ٱلْيَقِينُ ﴿٤٧﴾

"Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin(44). Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya (45). Dan kami mendustakan Hari Balasan(46). Hingga kami didatangi maut."(47)

Kebebasan golongan kanan dari ikatan itu adalah berpunca dari limpah kurnia Allah yang memberkati dan menggandakan amalan-amalan mereka yang baik. Pengumuman ini mencubit hati orang-orang yang berdosa dalam pendusta-pendusta yang berada dalam keadaan yang hina. Mereka membuat pengakuan-pengakuan yang panjang, sedangkan orang-orang Mu'min yang tidak dipedulikan mereka di dunia berada dalam keadaan yang mulia dan tinggi dan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan kepada mereka sebagai mewakili pihak yang berkuasa, **"Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?"** Pengumuman itu juga mengharukan orang-orang Mu'min yang telah menerima berbagai-bagai tindakan jahat dari orang-orang yang berdosa itu dalam kehidupan mereka di dunia apabila mereka dapati diri mereka di Akhirat berada dalam keadaan mulia sedangkan musuh mereka yang angkuh berada dalam keadaan yang hina. Kekuatan pemandangan ini membuat kedua-dua golongan itu merasa diri mereka di sa'at ini benar-benar berada di hari Akhirat, sedangkan lembaran hidup dunia dengan segala isinya seolah-olah telah berlalu dan berakhir.

Kekuatan pemandangan ini membuat hati kedua-dua golongan itu merasa Hari Qiamat itu telah berlaku pada masa itu dan mereka sedang berada di dalamnya, sedangkan lembaran hidup dunia dengan segala isinya telah berakhir dan berlalu.

Pengakuan yang panjang itu melibatkan berbagai-bagai kesalahan yang membawa orang-orang yang berdosa itu masuk ke dalam Neraka Saqar. Mereka mengaku dengan lidah mereka sendiri di hadapan orang-orang Mu'min dalam keadaan yang hina:

قَالُوا۟ لَمْ نَكُ مِنَ ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

"Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat."(43)

Meninggal Ibadat Solat

Yang dimaksudkan dengan ibadat solat di sini ialah keseluruhan iman. Ini menunjukkan betapa

pentingnya ibadat solat di dalam 'aqidah Islam hingga ia dijadikan sebagai lambang dan bukti iman. Siapa yang ingkarkan solat menjadi kafir dan terpisah dari barisan orang-orang Mu'min.

"Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin."(44)

Meninggal Ibadat Golongan Yang Miskin

Sifat ini merupakan sifat yang kedua selepas sifat tidak beriman, kerana memberi makan kepada orang-orang miskin itu merupakan ibadat kepada Allah dalam bentuk berbakti kepada hamba-hamba-Nya selepas seseorang itu beribadat kepada Allah S.W.T. Persoalan memberi makan kepada orang-orang miskin yang ditekankan di dalam berbagai-bagai ayat itu menggambarkan keadaan masyarakat yang dihadapi oleh Al-Qur'an pada masa itu dan menggambarkan ketandusan perasaan belas kasihan terhadap orang-orang miskin dalam masyarakat yang kejam itu, walaupun mereka bermegah-megah dengan sifat murah hati ketika berlagak hendak menunjukkan kemegahan dan keangkuhan, tetapi mereka tinggalkan sifat itu ketika menghadapi orang-orang miskin yang benar-benar memerlukan bantuan dan simpati yang ikhlas.

"Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya."(45)

Mempermain-main Persoalan Akidah

Ayat ini menggambarkan sikap yang berleluasa dan tidak bertanggungjawab. Mereka mempermain-main, mencemuh dan memperkatakan persoalan 'aqidah dan hakikat keimanan secara gurau senda dan tidak peduli, sedangkan 'aqidah dan keimanan merupakan persoalan yang amat serius dan amat penting dalam kehidupan manusia, iaitu persoalan yang harus diputuskan oleh hati nuraninya dan perasaannya sebelum ia mengendalikan urusan-urusan hidupnya yang lain, kerana di atas asas keimanan inilah tegaknya seluruh pemikiran, perasaan, nilai-nilai hidup dan pertimbangan-pertimbangannya dan di bawah sorotan cahayanya ia dapat meneruskan perjalanan hidupnya. Oleh itu, mengapa dia tidak mengambil keputusan yang tegas dan sungguh-sungguh terhadap persoalan 'aqidah dan keimanan? Mengapa dia masih asyik memperkatakan perkara-perkara yang batil dan asyik mempersenda-sendakan 'aqidah dan keimanan?

"Dan Kami mendustakan Hari Balasan."(46)

Tidak Percaya Kepada Alam Akhirat

Inilah pokok pangkal permasalahan, kerana orang yang tidak percaya kepada Hari Balasan itu akan rosaklah segala neraca pertimbangan yang ada di tangannya, akan kacau bilau segala nilai hidup dalam penilaiannya dan akan sempitlah bidang hidupnya apabila dia membataskan bidang hidupnya pada umumya yang pendek dan terbatas di bumi ini sahaja, apabila dia memperhitungkan akibat segala sesuatu dalam bidang hidup yang pendek ini sahaja tanpa memperhitungkan akibat dan hisab Akhirat. Kerana itulah segala pertimbangan dan penilaiannya menjadi kacau-bilau dan segala urusan dunia akan rosak, di tangannya sebelum rosaknya penilaiannya terhadap Akhirat dan untung nasibnya pada hari itu, dan kerana itulah dia akan berakhir dengan kesudahan yang paling celaka.

Orang-orang yang berdosa itu mengaku "Kami terus berada dalam keadaan-keadaan ini, iaitu kami tidak mendirikan solat, tidak memberi makan kepada orang-orang miskin, asyik membicarakan perkara-perkara yang batil dan mendustakan hari balasan."

"Hingga kami didatangi maut."(47)

Mautlah yang menamatkan segala keraguan dan memberi keputusan yang tegas, dan tiada lagi ruang dan kesempatan untuk penyesalan, taubat dan amalan yang soleh selepas kedatangan maut.

Kemudian selepas menggambarkan keadaan yang buruk dan hina di Akhirat, Al-Qur'an memutuskan segala harapan untuk mengubah dan membetulkan kesudahan hidup mereka:

"Oleh itu, tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafa'at dari mana-mana pemberi syafa'at."(48)

Yakni keputusan telah dijatuhkan dan hukuman yang wajar telah diputuskan terhadap orang-orang yang berdosa yang mengaku segala kesalahan mereka, dan di sana tidak ada orang yang akan dapat memberi syafa'at kepada orang-orang yang berdosa, dan andainya ditaqdirkan ada, maka syafa'at itu tidak akan berguna sedikit pun kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 51)

Dalam situasi yang hina dan tiada harapan di Akhirat itu, Allah kembalikan mereka kepada kedudukan mereka di dunia semasa peluang terbuka kepada mereka sebelum mereka menghadapi situasi di Akhirat. Mereka bukan sahaja bertindak menghalangi da'wah dan berpaling darinya, malah mereka lari dari hidayat, dari kebaikan dan dari saranan-saranan yang membawa kepada keselamatan yang ditawarkan kepada mereka. Allah lukiskan keadaan mereka dengan satu gambaran yang lucu dan aneh:

فَمَا لَهُمْ عَنِ ٱلتَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾ كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ ﴿٥٠﴾ فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍۭ ﴿٥١﴾

"Mengapakah mereka berpaling dari peringatan (Al-Qur'an)?(49). Mereka seolah-olah keldai-keldai yang liar (50). Yang lari dari singa."(51)

Keldai Lari Dari Harimau Tetapi Manusia Lari Dari Hidayat

Pemandangan keldai-keldai liar yang lari bertempiaran di segenap hala apabila mendengar singa mengaum kerana terlalu takut adalah satu pemandangan yang lumrah kepada orang-orang Arab. Satu pemandangan yang menggambarkan pergerakan yang kuat dan amat melucukan apabila dibuat perbandingan dengan manusia yang sedang dilambung ketakutan, dan lebih lucu lagi jika mereka lari seperti keldai liar bukan kerana takut dan terancam, tetapi mereka lari kerana seorang rasul telah mengingatkan mereka supaya mengingati Tuhan mereka dan untung nasib kesudahan hidup mereka, juga kerana Rasul itu menawarkan peluang kepada mereka supaya terselamat dari situasi yang hina dan dari kesudahan yang amat pedih itu.

Itulah pena yang unik yang melukiskan pemandangan ini dan merakamkannya di tengah alam buana yang dapat dilihat oleh semua orang dan membuat mereka merasa malu dan enggan dilukiskan seperti itu, dan membuat orang-orang yang lari dan berpaling dari hidayat ini menyembunyikan diri mereka kerana terlalu malu. Mereka memperlahankan gerak lari dan palingan mereka kerana takut ditangkap oleh penggambaran yang begitu hidup dan kasar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 53)

Mereka Menentang Rasulullah s.a.w. Kerana Hasad Dengki

Setelah menggambarkan keadaan lahiriah mereka seperti keldai-keldai liar yang lari bertempiaran kerana takut kepada singa, ia menggambarkan pula perasaan, cita-cita dan keinginan yang berkecamuk di dalam jiwa mereka:

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

"Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar."(52)

Itulah hasad dengki mereka terhadap Rasulullah s.a.w. kerana beliau dipilih oleh Allah untuk menerima wahyu dari-Nya, sedangkan setiap orang dari mereka bercita-cita untuk mencapai darjah itu dan berangan-angan supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar kepada orang ramai. Isyarat ini tentulah ditujukan kepada pembesar-pembesar Quraisy yang merasa begitu terkilan kerana dilangkahi Muhammad bin Abdullah yang mendapat kehormatan menerima wahyu dari Allah itu. Mereka pernah berkata:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan mereka berkata: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan kepada salah seorang pembesar dari dua buah negeri (Makkah dan Ta'if)?"

(Surah az-Zukhruf: 31)

Allah tahu di mana hendak meletakkan risalah-Nya, kerana itulah Allah memilih Muhamamd seorang lelaki yang mulia budinya dan besar ketokohannya. Inilah yang menyebabkan dendam kesumat mendidih di dalam dada mereka dan inilah yang menyebabkan mereka lari lintang pukang dari da'wah seperti yang digambarkan oleh Al-Qur'an.

Al-Qur'an Suatu Peringatan Yang Bebas Dipilih Atau Ditolak

Kemudian Al-Qur'an terus menggambarkan keadaan dalaman jiwa mereka selain dari ketamakan dan hasad dengki, di mana ia menyebut satu lagi sebab keingkaran mereka dan mengecamkan ketamakan mereka yang tidak berasaskan kelayakan dan persediaan untuk menerima wahyu dan limpah kurnia Allah:

كَلَّا ۖ بَل لَّا يَخَافُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٥٣﴾

"Tidak sesekali-kali begitu, bahkan mereka tidak takut kepada hari Akhirat."(53)

Sikap mereka yang tidak takut kepada Hari Akhirat itulah yang menjauhkan mereka dari Al-Qur'an dan meliarkan mereka dari da'wah. Andainya hati mereka sedar terhadap hakikat Hari Akhirat tentulah keadaan mereka tidak berada dalam keadaan keraguan yang sedemikian rupa:

Kemudian Al-Qur'an mengecam mereka sekali lagi sambil menyampaikan peringatan terakhir dan memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih jalan dan untung nasib diri mereka sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 55)

كَلَّآ إِنَّهُۥ تَذْكِرَةٌ ﴿٥٤﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿٥٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu peringatan (54). Oleh itu, sesiapa yang mahu dia boleh mengambil pengajaran darinya."(55)

Al-Qur'an yang tidak ingin didengar mereka dan yang menyebabkan mereka lari bertempiaran darinya seperti keldai liar, juga menyebabkan mereka memendamkan hasad dengki terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan bersikap leluasa dan tidak peduli terhadap Hari Akhirat... .Al-Qur'an itu adalah sebenarnya suatu peringatan untuk menyedar dan mengingatkan manusia. Siapa yang ingin, ia boleh

mengambil pengajaran darinya, dan siapa yang tidak ingin, maka itu adalah urusannya. Dialah sahaja yang berhak menentukan untung nasibnya, sama ada ia mahu memilih Syurga dan kemuliaan atau memilih Neraka Saqar dan kehinaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 56)

Setelah menerangkan bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk memilih jalan hidup masing-masing, maka ayat yang berikut menjelaskan pula bahawa Allah mem-punyai iradat dan kehendak yang bebas dan mutlaq, dan segala sesuatu dirujukkan kepada iradat-Nya. Hakikat ini ditekankan oleh Al-Qur'an pada setiap kesempatan untuk membetulkan kefahaman keimanan dari segi kebebasan iradat Ilahi yang meliputi segala peristiwa dan perkara:

وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ أَهْلُ ٱلتَّقْوَىٰ وَأَهْلُ ٱلْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

Iradat Allah Adalah Bebas Dan Mutlak

Segala apa yang berlaku di alam ini adalah terikat kepada kehendak Ilahi Yang Agung itu. Oleh itu, tidak mungkin seseorang dari makhluk-Nya menghendaki sesuatu yang bertentangan dengan kehendak Ilahi, kerana kehendak Ilahi meliputi seluruh keadaan alam buana. Dialah yang menciptakan alam, menciptakan segala undang-undang dan peraturannya. Seluruhnya bergerak dalam lingkungan kehendak Ilahi yang bebas dari segala pagar, segala batas dan segala ikatan.

Kebolehan mengambil pengajaran itu adalah suatu taufik dari Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya yang diketahui layak menerima taufik itu. Seluruh hati manusia berada di antara dua jari dari jari-jari kekuasaan Allah Yang Rahman yang membalik-balikkannya mengikut kehendak-Nya. Apabila Allah mengetahui kejujuran niat seseorang Dia akan membimbingkannya kepada keta'atan-keta'atan.

Manusia Tidak Mengetahui Kehendak-kehendak Allah Tetapi Ia Mengetahui Perintah-perintah-Nya

Seseorang hamba tidak mengetahui kehendak-kehendak Allah terhadap dirinya, kerana perkara ini adalah dari urusan alam ghaib yang terdinding darinya, tetapi dia tahu perintah-perintah yang dikehendaki Allah supaya dilakukan olehnya kerana perintah-perintah ini memang telah diterangkan Allah kepadanya dengan jelas. Oleh itu, apabila niatnya telah kukuh dan jujur untuk melaksanakan perintah-perintah Allah, maka dia akan ditolong dan ditaufikkan Allah mengikut kehendak-Nya yang bebas.

Apa yang mahu diterapkan oleh Al-Qur'an dalam hati seseorang Islam ialah hakikat kebebasan kehendak Allah yang meliputi segala kehendak makhluk-Nya, supaya penjurusan dan penyerahan diri hamba-Nya itu tertumpu kepada-Nya sahaja. Inilah hakikat keislaman dari segi hati, dan tanpa hakikat ini, keislaman belum lagi mantap dalam hati seseorang. Apabila hakikat ini mantap dan bertunjang dalam hati seseorang, ia akan mewujudkan satu keadaan dalaman hati yang tertentu di samping membentukkan satu cara pemikiran yang tertentu yang menjadi asas pertimbangannya ketika menilaikan segala peristiwa hidupnya. Inilah tujuan asal apabila diterangkan persoalan kebebasan iradat Ilahi dan keluasannya yang meliputi segala kehendak selepas Allah memperkatakan janji-janji Syurga atau Neraka atau selepas Allah menjelaskan tentang hidayat dan kesesatan.

Tetapi apabila persoalan iradat Allah yang meliputi ini diselewengkan kepada perdebatan dan perbincangan di sekitar masalah paksaan (al-Jabr) dan pilihan (ikhtiyar) (atau perbahasan qadha' qadar), maka ini bererti memotong satu aspek dari satu kefahaman Kulli dan dari satu hakikat yang mutlak dan membawakannya ke sebuah lorong yang sempit dan tertutup yang tidak akan menyampaikan kepada satu pendapat atau kesimpulan yang mententeramkan hati, kerana persoalan ini tidak pernah diterangkan oleh Al-Qur'an dalam bentuk meletakkan persoalan ini di sebuah lorong yang sempit dan tertutup seperti ini.

وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ أَهْلُ ٱلتَّقْوَىٰ وَأَهْلُ ٱلْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki oleh Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

Mereka tidak mungkin menentang kehendak Allah dengan kehendak mereka, dan mereka tidak bergerak ke suatu hala melainkan dengan iradat Allah yang menentukan gerak dan hala mereka. Allah itulah **"Tuhan yang layak menerima taqwa"** dari para hamba-Nya, dan mereka dituntut supaya bertaqwa kepada-Nya dan Dia juga **"Yang layak memberi keampunan"** kepada hamba-Nya mengikut kehendak-Nya. Taqwa itulah yang melayakkan seseorang menerima keampunan Allah, dan hanya Allah sahaja yang berhak menerima taqwa dan mengurniakan keampunan.

* * * * * *

Dengan tasbih yang khusyu' inilah ditamatkan surah ini. Ia membuat hati kita rindukan Allah Yang Maha Mulia semoga Dia memberi taufik ke arah

mengingati-Nya dan membimbing kita ke arah taqwa dan mengurniakan kita ni'mat keampunan.

"Dialah Tuhan Yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

* * * * * *